

PENGALAMAN DI VIENNA

# PESILAT EROPAH BOLEH MENGGUGAT

- 3 DEC 1987

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOKHTAR**  
dan **JAMHARIAH JAAFAR** *B. Harian (M)*

MESKIPUN beberapa negara Asia Tenggara yakin dapat meneruskan penguasaan, mereka membayangkan saingan lebih hebat daripada peserta-peserta Eropah dalam beberapa kategori silat olahraga Kejuaraan Silat Sedunia kali ini.

Pengalaman mereka dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Vienna tahun lalu pasti mematangkan corak persembahan mereka.

Dalam kejuaraan lalu beberapa negara Eropah telah menunjukkan keupayaan yang setanding terutama Belanda yang memenangi pingat emas kelas bebas menerusi Ron Hoekstra.

Marcel Copini, juga dari Belanda yang memenangi tempat kedua kelas 75kg turut membuktikan keupayaan mereka untuk menandingi peserta negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia.

Indonesia yang menyenaraikan hampir keseluruhan peserta Sukan SEA di Jakarta lalu jelas menunjukkan bahawa Indonesia tidak memandang mudah peserta-peserta negara luar termasuk dari Eropah.

"Dalam kejuaraan kali ini, hampir semua negara menghantar peserta-peserta matang. Jika terlalu yakin mereka pasti menggugat penguasaan kami," kata pengurus Indonesia, H Harsoyo.

Indonesia dalam kejuaraan ini menyenarai lapan pemenang pingat emas dalam Sukan SEA lalu daripada 15 peserta mereka.

"Malaysia, Brunei dan Singapura juga pasti lebih bersedia kali ini. Mereka tentunya telah menjalankan persiapan bertungkus-lela selepas menyertai Sukan SEA dua bulan lalu," kata Harsoyo.

Jurulatih Malaysia, Mohd Sani Morni pula membayangkan kemungkinan beberapa acara akan dikuasai oleh peserta negara Eropah terutamanya dalam kelas 75kg ke atas.

Malaysia turut menurunkan hampir keseluruhan peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Sukan SEA lalu.

Antara mereka ialah Mohd Rafee Yaakob (A), Ahmad Khusairi Ibrahim (C), Zakri Ibrahim (D), Mohd Razak Ismail (E), Ahmad Wardi Salim (B), Ahmad Fauzi Othman (F), Wan Mohd Aminuddin Baki (G) gangsa, Azam Hj Abas (H), Mohd Fauzi Aziz (I) Azan Abdullah (bebas).

## Jadual

hari

ini

*B. Harian (M)*

2.00 petang dan  
8.00 malam

(Semua perlawanan  
di Stadium Negara)

Wanita - Zaleha Suradi (E),  
Khadijah Salleh (A), Siti Aza-  
hariah, Siti Anidah Mahadi.

Dalam Sukan SEA di Jakarta,  
September lalu, Indonesia  
memenangi 11 emas, 4 perak.  
Malaysia 2 emas, 3 perak dan  
8 gangsa. Brunei 1 emas 3 pe-  
rak 4 gangsa. Singapura 1  
emas, 2 perak, 3 gangsa.

"Peserta negara Eropah  
mempunyai bentuk fizikal  
yang lebih baik. Mereka juga  
mungkin mempunyai kelebihan  
di segi kecergasan kerana  
menjalani latihan persiapan  
enam bulan untuk kejuaraan  
ini.

- 3 DEC 1987

"Dengan itu, peserta-peserta  
Malaysia diingat supaya ti-  
dak mengambil mudah setiap  
acara yang mereka sertai," je-  
lasnya.

Antara negara Eropah yang  
dianggap mempunyai keupa-  
yaan memberi cabaran berke-  
san dalam kejuaraan kali ini  
ialah Jerman Barat, Belanda,  
Sepanyol dan Australia.